



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

(UJIAN AMALI AKHIR)

SESI I : 2025/2026

SPP10233 : APLIKASI KOMPUTER PERNIAGAAN

TARIKH : 20 NOVEMBER 2025

MASA : 9.00 PAGI – 11.00 PAGI (2 JAM)

Kertas ini merupakan **SOALAN TERBUKA** mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak.

Struktur (1 soalan)

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

UJIAN AMALI AKHIR

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Amali ini adalah amali praktikal secara individu.
- 2) Baca dan fahami semua arahan dengan teliti sebelum memulakan kerja
- 3) Pastikan anda menyimpan kerja anda secara berkala
- 4) Ikut semua spesifikasi yang ditetapkan dengan tepat
- 5) Serahkan fail anda mengikut format penamaan yang ditetapkan
- 6) Hasil kerja perlu dimuatnaik dalam pautan yang disediakan oleh pensyarah penilai.

SOALAN:

Anda telah dilantik sebagai Eksekutif Pemasaran Digital di syarikat TechVision Sdn Bhd, sebuah syarikat teknologi yang menyediakan perkhidmatan penyelesaian perniagaan digital. Ketua Jabatan Pemasaran meminta anda menyediakan satu persembahan korporat yang komprehensif untuk dibentangkan kepada bakal pelabur dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Persembahan ini perlu menonjolkan pencapaian syarikat, strategi perniagaan, dan hala tuju syarikat untuk tahun 2025. Persembahan mestilah profesional, interaktif, dan dilengkapi dengan elemen multimedia yang menarik.

Berdasarkan situasi di atas, anda dikehendaki mencipta satu persembahan perniagaan yang lengkap dengan menggunakan perisian persembahan (Microsoft PowerPoint). Pastikan persembahan anda memenuhi semua kriteria yang ditetapkan dalam rubrik penilaian.

- a) Persediaan: Sediakan fail yang sistematik CLO 2
 - i. Cipta satu folder dengan nama SPP10233_No Pendaftaran_UjianAmali di desktop komputer anda.
 - ii. Mulakan persembahan menggunakan template kosong (Blank Presentation)
 - iii. Simpan fail tersebut dengan nama TechVision_No Pendaftaran dalam format.pptx dalam folder yang telah dicipta.

b) Rekabentuk dan format persembahan

CLO 2

- i. Tetapkan saiz slaid kepada format *widescreen* (16:9) untuk paparan
- ii. Pilih dan aplikasikan dengan *Design Theme* yang sesuai untuk persembahan korporat
- iii. *Customize Variants Color Scheme* kepada Office
- iv. Formatkan teks dalam persembahan mengikutkan tetapan format berikut:
 - a. *Tajuk utama: Arial, 44pt, Bold, Align Center*
 - b. *Subjudul: Arial, 32pt, Semibold, Align Left*
 - c. *Kandungan: Arial, 20pt, Line spacing 1.5, Justify*
 - d. *Bullet points:Gunakan custom bullet dengan simbol professional*
(contoh: ✓, ►, atau ●)

c) Kandungan persembahan

CLO 2


Slide 1



- Masukkan logo syarikat (boleh muat turun logo dari internet)
- Formatkan teks mengikut tetapan yang telah ditetapkan.

Slide 2

- Masukkan kandungan teks dalam format 2 columns yang mengandungi:



- Kolum 1: Sejarah penubuhan dan perkhidmatan syarikat
- Kolum 2: Pencapaian dan sijil yang diperoleh
- Gunakan *WordArt Style* untuk menonjolkan nama syarikat "TECHVISION"
- Sertakan *Symbol* yang berkaitan (contoh: © untuk copyright, ™ untuk trademark, atau • untuk bullet custom)
- Aplikasi *Shape Style* yang menarik untuk kotak maklumat penting

Slide 3



- Masukkan *SmartArt Illustration* untuk memaparkan visi, misi dan nilai teras syarikat
- Aplikasi *Shape Style* yang konsisten dan harmoni
- Gunakan *Animation* untuk SmartArt (contoh: Fade in satu persatu)

Slide 4

Struktur Organisasi



- Masukkan *SmartArt* jenis "*Hierarchy*" untuk menunjukkan struktur organisasi
- Aplikasikan *Animation* untuk setiap *level hierarchy*
- Set *timing animation* menggunakan "*After Previous*" supaya keluar secara automatik mengikut urutan hierarki

Slide 5


Prestasi Jualan Tahunan

Bulan	Software (RM)	Hardware (RM)	Jumlah (RM)
Januari	50,000	30,000	80,000
Februari	65,000	35,000	100,000
Mac	72,000	40,000	112,000
April	80,000	45,000	125,000
Mei	85,000	50,000	135,000
JUMLAH	352,000	200,000	552,000

- Masukkan *Table* dengan spesifikasi berikut: Saiz: 4 lajur × 6 baris (minimum)
- *Format table* dengan *Table Style* yang profesional (gunakan *Built-in styles*)
- Aplikasikan:
 - o *Header row* dengan warna gelap dan teks putih
 - o *Banded rows* untuk mudah dibaca
 - o *Border* yang jelas
 - o *Cell shading* untuk *highlight* jumlah

Slide 6

Perbandingan Prestasi Jualan Q1 2025



- Cipta Carta jenis *Column Chart* atau *Bar Chart* berdasarkan data dari jadual slaid sebelumnya
- Tetapkan:
 - o *Chart Title*: "Perbandingan Prestasi Jualan Q1 2025"
 - o *Axis Labels* yang jelas (*X-axis*: Bulan, *Y-axis*: Jualan RM)
 - o *Legend* untuk membezakan Produk *Software* dan *Hardware*
- Customize Chart Style dengan warna yang konsisten dengan theme persembahan
- Aplikasikan Animation untuk chart:
 - o Gunakan *effect* seperti "*Wipe*" atau "*Fly In*"
 - o Set *animation* "*By Category*" atau "*By Series*"
 - o Duration: 2 saat

Slide 7

Strategi Pemasaran Digital

Video Testimoni
Autoplay, 2s delay
www.techvision.com.my

Background Music
Corporate ambient

Strategi Utama:

- 📱 Social Media Marketing
- 📄 Content Marketing
- ✉️ Email Marketing
- 🔍 SEO & SEM

📞 Hubungi Kami

Paparkan strategi pemasaran dengan elemen multimedia:

- Masukkan Video (*embedded* atau *linked*):
 - o Boleh guna video *sample* testimoni pelanggan atau demo produk

- Video boleh dari YouTube (gunakan *embed link*) atau file video sendiri
- Set video untuk *autoplay* dengan *delay* 2 saat setelah slaid dibuka
- Tambahkan Audio:
 - *Background music* yang sesuai (*subtle* dan profesional)
 - Atau *audio narration* untuk slaid ini
 - Set audio untuk *play across slides* (jika perlu)
- Sertakan *Hyperlink*:
 - Link ke website syarikat: www.techvision.com.my (ambil mana link web dari internet)
 - Gunakan text atau button/shape sebagai hyperlink object

Slide 8



- Sertakan *Icon/Illustration* yang bersesuaian:
 - Contoh: *Thumbs up, Star, Handshake, atau Trophy*
 - Boleh gunakan *Icons* dari *Insert > Icons*
- Aplikasikan *Animation* yang sesuai untuk *closing slide*

d) Tetapan *Slideshow* dan automasi

- i. sediakan persembahan untuk pembentangan profesional:
 - a. *Setup Slideshow*:
 1. Pergi ke *Slideshow tab* dan tetapkan settings berikut:
 - *Set Up Show*:
 - *Slideshow Type*: "*Presented by a speaker (full screen)*"
 - *Show options*: *Enable "Show Presenter View"*

- *Advance slides: "Manually"* (atau gunakan *timings* jika dah set)
- *Pen color*: Pilih warna yang kontras untuk annotation
- *Rehearse Timings* (optional tetapi digalakkan):
 - Gunakan "*Rehearse Timings*" untuk *set automatic timing*
 - Set *duration* 5-10 saat untuk setiap slaid
 - Record timing dan save
- Uji slideshow anda dengan menekan F5:
 - Pastikan semua *animation* berfungsi dengan baik
 - Pastikan video dan *audio play* dengan betul
 - Pastikan *hyperlink* berfungsi

e) Keselamatan dan Perlindungan Dokumen

CLO 2

- i. *Encrypt* dengan *Password*:
 - a. Pergi ke *File > Info > Protect Presentation*
 - b. Pilih "*Encrypt with Password*"
 1. Masukkan *password*: SPP2025@
 2. Pastikan anda ingat password ini!
 - c. Masukkan semula untuk confirmation
 - d. Simpan fail tersebut
 - e. Tutup dan buka semula fail untuk uji *password* - pastikan *password* berfungsi dengan betul
- ii. *Restrict Access*:
 - a. Pilih salah satu dari options berikut:
 - b. *Mark as Final*: Untuk menandakan dokumen sebagai versi *final* dan *prevent editing*, ATAU
 - c. *Restrict Editing*: Untuk *set specific restrictions*

f) Kreativiti dan Kualiti Persembahan

CLO 2

- i. Kesesuaian dan Profesionalisme
 - a. Pastikan jenis tulisan (*font*) konsisten sepanjang persembahan
 - b. Saiz tulisan mestilah mudah dibaca oleh audience (minimum 18pt untuk *body text*)
 - c. Jumlah teks setiap slide adalah bersesuaian - tidak terlalu padat, tidak terlalu sedikit

- d. *Color scheme* konsisten dan sesuai untuk persembahan korporat
- ii. Kekemasan
 - a. *Layout* teratur dan seimbang - tiada objek yang overlapping atau tersasar
 - b. *Spacing* konsisten antara objek dan margin
 - c. *Alignment* tepat - semua objek *aligned* dengan baik
 - d. Tiada kesalahan ejaan dan *grammar*
- iii. Kreativiti dan Reka Bentuk:
 - a. Penggunaan *shapes, icons, dan illustrations* yang menarik dan relevan
 - b. Kombinasi warna yang harmoni dan tidak menyakitkan mata
 - c. *Animation dan transition* yang sesuai - tidak keterlaluan
 - d. rekabentuk yang asli - bukan sekadar *copy template basic*
- iv. Daya Usaha dan Inisiatif :
 - a. Siap dalam masa yang ditetapkan
 - b. Menambah elemen bonus seperti:
 - *Custom icons* atau *infographics*
 - *Custom shapes* yang *creative*
 - *Interactive elements*
 - *Additional multimedia*
 - c. Penyelesaian masalah dalam menyelesaikan tugas
 - d. Memberi perhatian dalam setiap aspek persembahan

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab